



SIARAN AKHBAR

BRUNEI DARUSSALAM MERAHAI KEDUDUKAN KE-13 DALAM ISLAMIC FINANCE DEVELOPMENT INDICATOR (IFDI) 2024

1. Negara Brunei Darussalam telah menduduki tempat ke-13 daripada 136 negara secara global dalam Islamic Finance Development Report 2024: From Niche to Norm. Dengan peningkatan kedudukan ini, Negara Brunei Darussalam telah kembali untuk mengambil tempat 15 negara teratas di dalam carta penunjuk perkembangan sektor kewangan Islam tersebut. Laporan ini telah menunjukkan bahawa Negara Brunei Darussalam mencapai 29 mata dalam Islamic Finance Development Indicator (IFDI) 2024, iaitu composite weighted index yang mengukur tahap perkembangan industri kewangan Islam berdasarkan data tahun 2023. Di samping itu, markah purata global juga telah meningkat kepada 12 mata bagi IFDI 2024 berbanding 9 mata dalam laporan tahun sebelumnya. Ini adalah penunjuk yang positif bagi perkembangan industri kewangan Islam secara menyeluruh.
2. Di dalam laporan IFDI 2024, lima penunjuk utama telah diketengahkan iaitu Prestasi Kewangan, Urustadbir, Kelestarian, Pengetahuan, dan Kesedaran. Bagi tahun 2023, Malaysia dan Arab Saudi telah mengekalkan kedudukan sebagai dua pasaran kewangan Islam teratas secara keseluruhan, dengan Emiriah Arab Bersatu di tempat ketiga, menggantikan Republik Indonesia.
3. Di samping itu, penunjuk IFDI ini juga menggambarkan bahawa industri kewangan Islam global kekal stabil dan berdaya tahan dengan peningkatan jumlah aset sebanyak 11% daripada USD4.5 trilion pada tahun 2022 kepada USD4.9 trilion pada tahun 2023. Prestasi ini telah didorong oleh peningkatan yang ketara di beberapa sektor utama seperti berikut:
 - (i) Pertumbuhan sebanyak 12% dalam perbankan Islam pada tahun 2023, mencecah USD3.6 trilion dalam aset, dengan Afghanistan, Iraq, dan Bahrain mendahului dalam kadar pertumbuhan;
 - (ii) Peningkatan sebanyak 9% dalam pasaran sukuk, didorong oleh peningkatan pengeluaran sovereign untuk mengekalkan keluk hasil (yield curves) dalam pasaran utama, penerbitan yang tinggi daripada pasaran bukan tradisional, dan peningkatan ketara dalam penerbitan Sukuk hijau dan lestari, menjadikan jumlah keseluruhan tertunggak kepada USD863 bilion; dan
 - (iii) Pertumbuhan pada kadar yang sederhana dalam sektor takaful dengan jumlah keseluruhan aset sebanyak USD86 bilion. Pertumbuhan yang perlahan ini disebabkan oleh persaingan dalam kepelbagaian produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh sektor insurans, dan kesan daripada dasar monetari yang ketat.
4. Dari segi jumlah aset kewangan Islam global, perbankan Islam terus menguasai keseluruhan aset kewangan Islam, memegang 73% daripada jumlah keseluruhan pada tahun 2023, diikuti oleh Sukuk sebanyak 18%, dana Islam pada 5%, institusi kewangan Islam lain (OIFI) pada 3%, dan takaful pada 2%. IFDI telah mengunjurkan bahawa jumlah aset sektor kewangan Islam di peringkat global akan mencecah USD7.5 trilion pada 2028. Ini menunjukkan potensi pertumbuhan yang mampan bagi sektor tersebut.

5. Bagi laporan IFDI 2024 ini, markah penunjuk Prestasi Kewangan bagi Negara Brunei Darussalam telah kekal pada 11 mata. Walau bagaimanapun, peningkatan yang ketara telah direkodkan dalam sub-penunjuk Takaful dan Sukuk. Negara Brunei Darussalam juga telah mendapat tempat ke-10 dalam sub-penunjuk Aset bagi OIFI di bawah penunjuk Prestasi Kewangan. Dari segi Urustadbir, Negara Brunei Darussalam telah mengekalkan markah penuh untuk sub-penunjuk Peraturan yang menyumbang kepada peningkatan ketara dalam markah keseluruhan Urustadbir daripada 59 mata dalam IFDI 2023 kepada 71 mata dalam IFDI 2024. Selain daripada itu, penunjuk Kesedaran dan Kelestarian juga telah mencatatkan peningkatan, dengan markah Kesedaran meningkat daripada 16 kepada 24 mata dan markah Kelestarian meningkat daripada 13 kepada 14 mata.
6. Laporan penuh Islamic Finance Development Report 2024: From Niche to Norm boleh didapati di laman web Zawya by LSEG di www.zawya.com, atau melalui pautan: <https://www.zawya.com/en/economy/islamic-reports/islamic-finance-development-report-2024-from-niche-to-norm-pwqeoqow>.

Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 20 Rejab 1446H/ 20 Januari 2025M

Rujukan: BDCB/SCFL/COMMS/2025/3(1)